



ANTARA struktur haram yang dirobohkan DBKL di kawasan Kolam Tadahan Banjir, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur baru-baru ini.

DBKL roboh enam struktur haram

KUALA LUMPUR — Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah merobohkan enam unit struktur haram di kawasan Kolam Tadahan Banjir, Jalan Klang Lama, di sini baru-baru ini.

DBKL menerusi hantaran di Facebook memaklumkan, Operasi Bersepadu dilaksanakan melalui Jabatan Penguatkuasaan bersama Jabatan Kejuruteraan

Mekanikal dan Elektrikal, Jabatan Integriti dan Pejabat Cawangan Lembah Pantai.

"Hasil daripada operasi yang dijalankan, sebanyak enam unit struktur binaan yang dibina tanpa kelulusan telah dirobohkan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

"Kesemua sisa struktur telah dipuluskan oleh DBKL selepas tamat

operasi yang dijalankan," ujarinya.

Tambahnya, beberapa agensi lain termasuk Polis Diraja Malaysia, Syarikat Bekalan Air Selangor serta Jabatan Pengairan dan Saliran turut terlibat dalam operasi terbabit.

"DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang dikenal pasti," ujarinya.